

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JUNE 2017

PM garis 3 prinsip penyelesaian

BH- 11/6/2017 Pg. 2

➔ Perdana Menteri mahu isu diselesaikan segera pada Ramadan ini



Ini (siasatan) adalah untuk memastikan bahawa fakta yang dapat kita tentukan itu adalah fakta tepat dan akhirnya kita dapat buat keputusan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Oleh **Junita Mat Rasid,**
S Anand Kumar dan
Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhjb@bh.com.my

► **Kulai**

Datuk Seri Najib Razak menggariskan tiga prinsip penyelesaian Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan mahu isu itu diselesaikan segera pada Ramadan ini.

Perdana Menteri menegaskan isu itu mesti mematuhi undang-undang syarikat selaras dengan kedudukan FGV yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

“Prinsip penyelesaian kedua, ia mesti selaras dengan prinsip urus tadbir yang baik.

“Yang ketiga, proses yang nak dilakukan sehingga kebuntuan keputusan muktamad mestikah melalui proses yang adil,” katanya.

Beliau berkata pada Program Ihya

Ramadan FELDA Peringkat Kebangsaan dan Majlis Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri, di Padang Sekolah Kebangsaan LKTP Sungai Sayong, di FELDA Sungai Sayong, di sini semalam.

Najib berkata, beliau sudah berunding mengenai isu itu dengan Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Samad dan Pengerusi FGV, Tan Sri Isa Samad.

Idris Jala jalankan siasatan

“Maka kita melantik Datuk Seri Idris Jala untuk menjalankan siasatan atas apa yang berlaku berpandukan kepada tiga prinsip yang saya sebutkan ini.

“Ini (siasatan) adalah untuk memastikan bahawa fakta yang dapat kita tentukan itu adalah fakta tepat dan akhirnya kita dapat buat keputusan.

“Adalah menjadi harapan saya supaya isu ini diselesaikan secepat mungkin, saya ingat dapat selesai

pada Ramadan ini juga,” katanya.

Najib berkata, dengan penyelesaian kemelut itu dapat memastikan FGV mencapai matlamat korporat menjadi satu badan korporat yang bernilai tinggi dan mempunyai keuntungan besar.

Selasa lalu, Lembaga Pengarah FGV mengarahkan empat pegawai kanan agensi perladangan itu, termasuk Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zakaria Arshad, bercuti berkuat kuasa serta-merta.

Arahan bercuti itu dikatakan bagi memberi laluan audit dalaman dijalankan bagi menyiasat tunggakan bayaran syarikat Safitex kepada Delima Oil Products Sdn Bhd, sebuah anak syarikat FGV.

Selain Zakaria, tiga lagi yang dipaksa cuti adalah Ketua Pegawai Kawangan, Ahmad Tifli Mohd Talha; Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, Kamarzaman Abd Karim dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV Trading, Ahmad Salman Omar.